

2.1 DEFINISI ‘ILMU

Berbagai-bagai definisi ‘ilmu yang telah diberi. Antaranya ialah ia berasal dari kata-kata terbitan bagi kata akar ‘-l-m tidak termasuk ‘ālam¹¹ (duniā) ditemui sebanyak 750 kali sebutan dalam al-Qur’ān dalam ulangan yang luar biasa (Franz Rosenthal, 1970: 19). Kata kerja tambahan *k-w-n* (menjadi) berlaku lebih 1300 kali dan perkataan yang tidak dapat dielakkan iaitu *q-w-l* (berkata) telah ditemui hampir 1700 kali (ibid: 20). Pengulangan kata ‘-l-m menduduki tempat ketiga dalam al-Qur’ān selepas *Allāh* sebanyak 2800 pengulangan dan *Rabb*¹² sebanyak 950 pengulangan (ibid) dari segi kepentingannya. Al-Qur’ān secara kasarnya mengandungi 78 000 perkataan dan kata akar ‘-l-m membentuk lebih kurang satu peratus daripada perbendaharaan kata al-Qur’ān (ibid).

Kata akar ‘-l-m hanya sebagai tanda kepentingan sesuatu konsep yang dinyatakan. Terdapat sinonim dalam beraneka bentuk dan persepsi intelektual Islām seperti *f-k-r* (berfikir), *f-q-h* (pemahaman), *d-b-r* (menimbang), *a-q-l* (ber‘akal), *f-h-m* (memahami) dan antonim seperti *j-h-l* (jāhil atau bodoh) dan penafian sinonim seperti *lā yafqahūn* dan *lā yā‘qilūn* menekankan kepentingan konsep ini (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1989: 34).

¹¹ Kadangkala ‘ulamā’ Muslim mengaitkan ‘ālam dengan ‘ilm atau ‘ālam (Lihat Franz Rosenthal, 1970 :19-20).

¹²*Rabb* ertiinya Tuhan yakni Allāh s.w.t. pemberi rezeki kepada makhluknya.

Dalam al-Qur'an juga terdapat perbendaharaan kata yang luas tentang alat-alat penulisan, seperti *qalam* (pen); *raqq* dan *qirtās* (kertas daripada kulit dan kertas); *marqūm*, *masṭūr*, *mustatar*, *maktūb*, *takhaṭuha*, *tumlā yumlilā* (terbitan dari kata kerja bermakna tulis); *kātib* (penulis); *yamudduhā* (mengisinya dengan dakwat), *kutub*, *ṣuḥuf* (buku) dan lain-lain lagi (ibid).

'Ilmu mempunyai pengertian yang 'umūm dan luas iaitu merangkumi setiap aspek kehidupan manusia. Orang Melayu telah lama menggunakan perkataan *bebal* (Lihat Abdullah Munsyi, 1974: jil. 1: xi) yang menunjukkan lawan kepada 'ilmu. Menurut *Encyclopedia of Islām* (Lihat B. Lewis, [ed.], 1986: 1133) mendefinisikan 'ilmu itu *knowledge* (pengetahuan), lawan *ignorance* (kebodohan). 'Ilmu itu dihubungkaitkan dengan *ma'rifah*¹³, *fiqh*, *ḥikmah*¹⁴ dan *syu'ūr* (ibid). 'Ilmu itu adalah hasil daripada pembelajaran (ibid). Pada peringkat permulaan, ahli fikir Islām membezakan antara *ma'rifah* dengan 'ilmu (ibid). Yang pertama itu menunjukkan pemerolehan 'ilmu melalui pengalaman yang pada mulanya tidak diketahui dan yang keduanya pula adalah pengetahuan yang tidak dijelaskan sebagai berlaku secara spontan¹⁵(ibid). Oleh itu, *ma'rifah* adalah *secular knowledge* (pengetahuan duniāwī) dan 'ilmu adalah *knowledge of God* ('ilmu dari Tuhan) yang lebih menyentuh keagamaan (ibid). Apabila 'ilmu itu

¹³ Ibnu Khaldūn berpendapat, manusia tidak melebihi binatang melainkan dengan adanya *ma'rifah* iaitu dengan menggunakan deria yang lima (pendengaran, penglihatan, hidu, rasa, dan sentuh) merupakan alat-alat untuk mencapai *ma'rifah* (Abdullah al-Amin al-Na'miy, Mohd. Ramzi Omar [terj.], 1994: 69).

¹⁴ Perkataan *hikmah* bila dipasangkan dengan perkataan *kitāb* (buku) dalam al-Qur'an menjadikan manusia menganggap bahawa pada ayat lain kedudukan *hikmah* diambil alih oleh *ḥukum* (lihat Surah al-'Imrān: 79, al-'An'ām: 89, al-Jāthiyyah:16). *Ḥukum* bermaksud memberi pengertian yang sama dengan *hikmah*. Meskipun begitu, *ḥukum* dalam al-Qur'an diberikan kepada rasūl-rasūl sebagai perkataan yang menggambarkan kekuasaan (Franz Rosenthal, 1970: 37-38). Kebanyakan orang Islām menganggap *hikmah* dan 'ilm adalah sinonim. Kebiasannya *hikmah* muncul selepas 'ilm (ibid: 38).

¹⁵ Pengetahuan yang tidak dijelaskan sebagai berlaku secara spontan bermaksud ia berlaku dengan kehendak hati dan tidak dengan paksaan.

dikhususkan kepada ‘ilmu yang berunsur keagamaan maka *scholar* dalam bidang berkenaan dipanggil ‘*ulamā*’ (*ibid*).

‘Ilmu adalah salah satu daripada sifat Allāh s.w.t.¹⁶ (lihat Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 1999: 36 dan Hj. Dasuki Hj. Ahmad, 1988: 135) Perkataan yang mempunyai maksud yang sama dengan ‘ilm antaranya di sebut dalam al-Qur’ān iaitu:

- (1) *Al-Ru'yah* yang memberi pengertian lihatlah. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar Kami mengetahui (terbukti) orang-orang yang berjihad dan berşabar di antara kamu; dan agar Kami menyatakan (baik buruknya) ḥäl ehwalmu. (Terj., Ŝūrah Muhammadiyah: 31).

- (2) *Al-'ilm* yang memberi pengertian ketahuilah. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Dan Allāh mengetahui apa yang kamu rahiakan dan apa yang kamu zahirkan (Terj., Ŝūrah al-Nahl: 19).

¹⁶ ‘Ilmu adalah salah satu daripada sifat Allāh s.w.t. yang membawa erti Allāh s.w.t. itu Maha Berpengetahuan terhadap perkara-perkara yang telah dijadikan dan akan dijadikan. Allāh s.w.t. sangat canggih dari segala makhluk di dunia ini kerana ia dapat mengatur ‘alam ini, dan sekaligus membuktikan Allāh s.w.t. itu berşifat tahu, Maha Pandai dan Maha Cerdik seperti yang diterangkan dalam al-Qur’ān (lihat Ŝūrah al-Baqarah : 29).

(3) *Al-Udhun* maksudnya keizinan atau kebenaran. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Ketahuilah sesungguhnya al-Qur'an itu diturunkan dengan 'ilmu Allāh.
(Terj., Sūrah Hūd: 14).

Prof. Dr. Syed Mohd. Naquib al-Attas (1980: 17) mentakrifkan 'ilmu adalah merujuk kepada Allāh s.w.t. sebagai asal segala 'ilmu. Katanya lagi (ibid), ia adalah ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Apabila merujuk kepada diri sebagai pentafsir, 'ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu (ibid). Beliau menyentuh dari aspek *şifat*, proses dan *hāsil* meliputi konsep 'ilmu dalam Islām keseluruhannya. Beliau (1985: 136-137) menyatakan bahawa 'ilmu Allāh s.w.t. adalah berbeza dengan 'ilmu manusia tentang Allāh s.w.t., agama, 'ālam, benda-benda yang boleh dirasa dan difikir; 'ilmu keroğhanian dan *hikmah*.

Bagi menjelaskan lagi takrif 'ilmu adalah ketibaan makna ke dalam diri seseorang, sememangnya kehidupan manusia adalah sebagai dorongan untuk mencari makna bagi diri, hidup, dengan penciptaNya dan pandangan sekeliling. Pemahaman manusia tentang sesuatu membolehkannya berhubung dan berinteraksi dengan yang lain untuk mendapatkan keputusannya yang sempurna. Dengan itu, manusia yang berilmu ialah manusia yang merasakan ketibaan makna kepada diri dan membolehkan ia mengenal, membeza, menilai dan akhirnya menyesuaikan diri dengan persekitaran (ibid:154; dan lihat juga Dr. Sidek Baba, 20-22 Jan. 1995: 1).

Imām al-Ghazālī (1964: 51) mentakrifkan ‘ilmu sebagai suatu kepastian secara monstratif; cahaya adalah kekunci kepada ‘ilmu, dan untuk sampai kepada ‘ilmu mestilah melalui pengalaman secara langsung.

2.2 PANDANGAN ISLĀM TERHADAP ‘ILMU

2.2.1 ‘Ilmu Menurut al-Qur’ān

Islām mewajibkan setiap umatnya menuntut ‘ilmu seperti dalam firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Maka bertanyalah kepada ahli ‘ilmu jika kamu tidak tahu (Terj., Şūrah al-Nāḥl: 43).

(Al-Qur’ān) ini adalah penerangan bagi seluruh manusia dan petunjuk serta pelajaran bagi orang-orang yang bertaqwa (Terj., Şūrah Ali-‘Imrān: 138).

Berkatalah orang-orang yang berpengetahuan: Malang nasibmu! Pahala dari Allāh adalah lebih baik untuk orang yang beriman dan mengerjakan perbuatan baik (Terj., Şūrah al-Qaṣāṣ: 80).

Katakanlah (Wahai Muḥammad) Wahai Tuhanku tambahkanlah ‘ilmuku (Terj., Şūrah Tāhā: 114).

Selain itu, hanya orang yang mempunyai ‘ilmu yang sebenar-benarnya akan takut kepada Allāh s.w.t. Ini dapat diperjelaskan dalam āyat 28, Ṣūrah al-Fāthir yang bermaksud:

Demikianlah juga di antara manusia, binatang-binatang dan ternak itu, bermacam-macam pula warnanya. Hanyalah yang takut kepada Allāh ialah orang-orang yang berilmu di antara hamba-hambanya. Sesungguhnya Allāh itu Maha Kuasa dan Pengampun.

Al-Qur’ān diturunkan kepada manusia untuk memberi ‘ilmu kepada mereka. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah datangkan Kitāb kepada mereka, Kami jelaskan dengan ‘ilmu (Terj., Ṣūrah al-A'rāf: 52).

2.2.2 ‘Ilmu Menurut Hadīth

Kenyataan mencari ‘ilmu menurut hadīth Rasūl Allāh s.a.w. adalah seperti yang berikut:

Tuntutlah ‘ilmu walau ke negeri Cina sekalipun (Terj., Ḥadīth Riwāyaṭ ibnu ‘Uda dari al-Baīhaqī dan Anas)¹⁷.

Barangsiapa dikehendaki Allāh s.w.t. bagi memperolehi kebaikan, nescaya dianugerahiNya pemahaman dalam agama (Terj., Ḥadīth Riwāyaṭ al-Bukhārī)¹⁸.

¹⁷ Lihat Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, t.t., jil. 1: 8-9.

¹⁸ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī bi ḥāsyiyat al-Sanadī līl Imām Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, t.t., juz. 1: 24.

Barangsiapa yang menjalani satu jalan untuk menuntut ‘ilmu, maka dipermudahkan Allāh s.w.t. kepadaNya jalan ke syurga (Terj., Ḥadīth Riwāyat al-Bukhārī)¹⁹.

Sesungguhnya para malāikaṭ itu membentangkan sayapnya kepada penuntut ‘ilmu, tanda rela dengan usahanya itu (Terj., Ḥadīth Riwāyat Ahmad bin Hanbal dan ibnu Ḥibban)²⁰.

Sesungguhnya mati satu suku bangsa itu adalah lebih mudah daripada mati seorang yang berilmu (Terj., Ḥadīth Riwāyat Al-Thabrāni dari ibnu ‘Abd al-Birr dari Abū Dardā’)²¹.

Kelebihan orang yang berilmu atas orang ‘ābid, adalah seperti kelebihan bulan malam purnama dari bintang-bintang yang lain (Terj., Ḥadīth Riwāyat Ḥaliyyah al-Aūliyā’ untuk Abī Na‘īm)²².

Manusia itu ‘ibāraṭ barang logam seperti emas dan perak. Orang yang baik pada jāhiliyyah menjadi baik pula pada masa Islām apabila mereka berilmu (Terj., Ḥadīth Riwāyat Muslim)²³.

Sabda Rasūl Allāh s.a.w. yang bermaksud:

Sungguh, malāikaṭ akan meletakkan sayapnya (menaungi) para pencari ‘ilmu kerana senang apa yang sedang dituntutnya. Orang berilmu selalu dimintakan ampun oleh apa yang ada di langit dan apa yang di bumi sampai oleh ikan dan yang ada di dalam air. Keutamaan orang berilmu dibanding orang yang banyak ‘ibādah seperti keutamaan bulan purnama dibanding semua bintang. Para ‘ulamā’ adalah pewaris para nabī. Mereka tidak diwarisi dīnār dan dirhām, tapi mereka hanya diwarisi ‘ilmu. Maka siapa yang mengambilnya bererti ia

¹⁹ Muṣṭafa Muḥammad ‘Imārah, 1981: 69.

²⁰ Abbas Aḥmad Saqar & Aḥmad Abd al-Jawad (pysn.), 1994, juz. 7: 42.

²¹ Lihat Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, t.t., op cit, jil. 1: 6.

²² Abbas Aḥmad Saqar & Aḥmad Abd al-Jawad (pysn.), 1994, op cit, juz. 6: 268.

²³ Ibid, juz. 8: 6.

mendapat keuntungan (nasib) yang banyak (Terj., Ḥadīth Riwāyat Ahmad bin Hanbal dan ibnu Hibban)²⁴.

Sabda Rasūl Allāh s.a.w.:

Barang siapa yang menjalani satu jalan untuk menuntut ‘ilmu, nescaya Allāh s.w.t. mudahkan baginya satu jalan kepada syurga. Dan tidak berhimpun satu kaum dalam satu rumah dari rumah-rumah Allāh s.w.t. untuk membaca Kitāb Allāh dan mempelajarinya di antara mereka melainkan diturunkan ke atas perhimpunan mereka itu ketenangan dan diliputi mereka itu oleh rāḥmat dan dilingkungi mereka itu oleh malāikat, dan Allāh s.w.t. menyebut mereka kepada orang yang berada di sisiNya. (Terj., Ḥadīth Riwāyat Muslim dengan lafaz ini)²⁵.

Rasūl Allāh s.a.w. ketika melakukan ḥajj widā' telah menasihatkan manusia agar mendengar segala nasīḥat dan keterangan para ‘ālim ‘ulamā'. Beliau bersabda yang bermaksud:

Perdengarkanlah ya 'ni beritahulah kepada seluruh manusia. Kemudian baginda melanjutkan sabdanya: Beritahulah agar kamu semua jangan sampai kembali menjadi orang-orang kāfir sepeninggalku ya 'ni susudah wafatnya, sebahagian dari kamu semua memukul leher sebahagian yang lain, ertinya jangan saling sampai bunuh membunuh (Terj., Ḥadīth Riwāyat al-Bukhāri)²⁶.

2.2.3 ‘Ilmu Menurut Para Cendiakiawan Islām

Imām al-Ghazālī telah menceritakan tentang kewajipan para ‘ālim ‘ulamā' di dalam dua buah bukunya iaitu *Fatīhah al-‘Ulūm* dan *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Di dalam karangannya, beliau telah memuji dan menyanjung golongan ‘ulamā' sehingga mereka disetarafkan

²⁴ Ibid, juz. 7: 42.

²⁵ Lihat Ustadh Mustafa Abdul Rahman [terj.], 1996: 383.

²⁶ Lihat W. Abdullah bin W. Maḥmood & Dra. Wista Aḥmad, 1997:87.

dengan kedudukan para nabī (Dr. Hasan Langgulung, 1997: 25). Imām al-Ghazālī dalam kedua-dua bukunya itu menggambarkan ‘ilmu dan kewajipan para ‘ālim ‘ulamā’ sebagai berikut:

Sesiapa sahaja yang berilmu dan mengamalkan apa yang diketahuinya, maka ia dianggap agung dalam kerajaan langit; seperti matahari yang menyinari benda lain sedang dia sendiri memang harum. Sesiapa sahaja bekerja sebagai guru, maka ia memegang peranan yang besar dan penting. Oleh itu, hendaklah kamu memelihara perangai dan fungsinya (Dipetik dalam ibid: 26).

Imām al-Ghazālī berkata lagi:

Selain orang ‘ālim tidak dijadikan bahagian dari manusia, kerana kekuatan manusia dibanding hātiwān ialah ‘ilmu. Manusia menjadi mulia kerananya. Hal ini bukan kerana kekuatan fiziknya. Sebab, dari segi fizik, untuk lebih kuat dan gajah lebih besar darinya. Kemuliaan manusia bukan dari segi keberaniannya. Sebab, binatang buas lebih berani darinya. Bukan pula dari segi makannya, sebab, sapi jantan (banteng) perutnya lebih besar. Sudah tentu, mukurnya lebih banyak. Bahkan, umat manusia tidak dicipta kecuali untuk ‘ilmu (Dipetik dalam Dr. Yūsūf al-Qardhāwī, M. Junaid al-Hashimi [terj.], 1996: 5).

Sabda Rasūl Allāh s.a.w.:

Menuntut ‘ilmu adalah wājib ke atas kaum Muslimīn lelaki dan perempuan (Terj., Ḥadīth Riwayat al-Bukhārī dan Muslim).

Imām al-Ghazālī menegaskan bahawa yang dimaksudkan oleh Rasūl Allāh s.a.w. dengan perkataan ‘ilmu pada ḥadīth tersebut ialah ‘ilmu yang utama, iaitu ‘ilmu yang wājib.

Ucapan ‘Alī bin Abī Ṭālib r.a. kepada seorang yang bernama Kunāil:

Wahai Kunāil, ketahuilah bahawa ‘ilmu adalah lebih baik daripada harta benda, sebab ‘ilmu itu dapat menjaga dirimu, sedang harta benda itu engkaulah yang harus menjaganya, dan ‘ilmu itu adalah pihak yang berkuasa, sedang harta benda itu pihak yang dikuasai; dalam perkara itu, harta benda itu akan berkurang jika ia dibelanjakan, sedang ‘ilmu itu bahkan bertambah-tambah jika kita berikan kepada orang lain (Dipetik dalam Prof. Dr. Ahmad Shalaby, 1954: 162).

Dalam kesempatan lain, ‘Alī bin Abī Ṭālib r.a. pernah berkata:

Setiap hari, di mana aku tidak dapat menambah ‘ilmuku, maka aku tidak mendapatkan keberkatan dengan terbitnya matahari pada hari itu. Dan ketahuilah, bahawa yang dikatakan kebaikan itu bukanlah bertambahnya harta benda dan anakmu, melainkan adalah bertambahnya ‘ilmumu (ibid: 163).

‘Alī bin Abī Ṭālib r.a. juga pernah berkata di dalam sajaknya:

*Tidaklah kebanggaan selain bagi ahli ‘ilmu,
Mereka memberi petunjuk kepada orang yang berminat
ditunjukkan.
Nilai manusia adalah dengan kebaikan yang dikerjakannya,
Dan orang yang jahil itu adalah seteru ahli ‘ilmu.
Memanglah engkau dengan ‘ilmu, hiduplah lama,
Orang lain mati, ahli ‘ilmu itu terus hidup* (Petikan dalam al-Ghazālī, op cit, t.t., jil. 1: 7).

Al-Aḥnāf juga pernah berkata :

Setiap kemuliaan yang tidak ditunjangi oleh ‘ilmu pengetahuan pasti akan membawa kepada kehinaan (Dipetik dalam Prof. Dr. Ahmad Shalaby, 1954, op cit: 163).

‘Umar al-Khaṭṭāb r.a. pernah berkata :

Hai manusia! Haruslah kamu berilmu! Bahwasanya Allāh s.w.t. mempunyai selendang yang dikasihiNya. Barang siapa mencari sebuah pintu dari ‘ilmu, maka ia diselendangi Allāh s.w.t. dengan selendangNya. Jika ia berbuat dosa, maka dimintanya kerelaan Allāh s.w.t. sebanyak tiga kali, supaya selendang itu tidak dibuka daripadanya dan sekali pun berkepanjangan dosanya sampai ia mati. (Dipetik dalam al-Ghazālī, t.t., jil. 1, op cit: 8).

2.3 KEPENTINGAN ‘ILMU MENURUT ISLĀM

Kepentingan ‘ilmu dari perspektif Islām dapat dilihat melalui penurunan wahyu pertama di Gua Hira’ daripada Allāh s.w.t. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Bacalah dengan namu Tuhan engkau, Yang menciptakun. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah! Dan Tuhan engkau itu Maha Pemurah. Yang mengajarkan dengan pena (tulis baca). Mengajarkan kepada manusia apa yang belum diketahuinya (Terj., Sūrah al-‘Alaq: 1-5).

Āyat tersebut memerintahkan supaya manusia mendapatkan ‘ilmu sebagai alat untuk beramal dan berbakti kepada Allāh s.w.t. Adalah menjadi kewajipan bagi manusia agar menuntut ‘ilmu dari buaian hingga ke liang lahad bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia maupun di akhirat.

‘Ilmu adalah objek yang unik yang menjadikan manusia dapat mengenali penciptaNya, dirinya sendiri dan ‘ālam sekelilingnya. Manusia yang berilmu akan sentiasa bersyukur dengan pengurniaan Allāh s.w.t. atas nikmat yang dianugerahkan kepada mereka di muka bumi ini (lihat Dr. Abdul Ḥamid bin Othman, Siri 2 : 86).

Bahkan mereka sentiasa memahami tujuan dan tanggungjawab mereka semasa hidup yang mencakupi kegiatan peribadatan, perekonomian, kemasyarakatan, pendidikan, politik dan pentadbiran. Dengan itu, wujud perhubungan sesama manusia seperti jual beli, nikah kahwin dan lain-lain; dan perhubungan tersebut berlandaskan perhubungan manusia dengan Allāh s.w.t. (ibid).

Dengan bertunjangkan kepada kepercayaan Islām, ‘ilmu dapat membimbing hidup manusia ke jalan yang benar. Segala yang mereka lakukan adalah berlandaskan hukum-hukum yang telah ditetapkan dalam Islām. ‘Ilmu dapat membuka hakikat yang menunjuki manusia kepada kebenaran, atau mendekatkan mereka kepada kebaikan, mewujudkan bagi mereka kemaṣlahatan dan mencegah kemungkaran (Dr. Yusuf al-Qardhawi, M. Junaid al-Hashimi [terj.], 1996: 1). Manusia yang mempraktikkan ‘ilmu menandakan ketaqwaan mereka kepada Allāh s.w.t. Al-Qur’ān menjelaskan:

Sesungguhnya orang-orang mu'min itu apabila disebut nama Allāh gementar hatinya dan apabila dibaca āyaṭ-āyaṭ Tuhan kepada mereka makin bertambah imannya dan kepada Allāh mereka menyerahkan dirinya (Terj., Šūrah al-Anfāl:2).

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan dalam Islām haruslah dilakukan bagi mengukuhkan hubungan dengan Allāh s.w.t. seperti berdhikir kepadaNya, sembahyang lima waktu setiap sehari, berpuasa di bulan Ramaḍān, membayar zakāt, menunaikan ḥaji (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, Jun 2001, Bil. 2: 23); dan melakukan amalan-amalan sampingan yang digalakkan oleh Allāh s.a.w. seperti berkasih-sayang, berkahwin, berzuriat dan sebagainya (Ismā‘il Raji al-Farūqī, 1982: 30). Ia akan melahirkan manusia yang berilmu dan seterusnya mereka akan mendapat keredaan Allāh s.w.t. dengan melaksanakan apa yang benar dan ‘ādil, melalui perubahan sikap kepada kebaikan

untuk mencapai kebahagiaan, keimanan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat (*Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*, Series No: 1, 1989: 84). Sebagai hamba Allah s.w.t. di muka bumi ini, adalah menjadi tugas manusia mengabdikan diri mereka kepadaNya. Firman Allah sw.t. yang bermaksud:

Dan Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu (Terj., *Surah al-Dhāriyāt*: 56).

Berlandaskan kegiatan-kegiatan berbentuk rohani dan jasmani yang bersendikan ‘aqidah, syari’ah dan akhlāq, Islām meletakkan ‘ilmu di tempat yang paling tinggi dan mulia dalam urusan hidup manusia. Tanpa ‘ilmu pengetahuan, kegiatan tersebut akan menemui kegagalan dan tidak akan sampai kepada matlamat sebenar iaitu untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. (Dr. Hj. Abdullah Ishak, 1995: 38). Menurut Islām, ‘ilmu pengetahuan juga merupakan satu kriteria yang membezakan dan mengklasifikasikan antara individu dan juga masyarakat yang lain (ibid). Al-Qur’ān menjelaskan:

Katakanlah adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui... (Terj., *Surah al-Dhumār*: 9).

Mereka yang berilmu dapat membezakan perkara yang benar dan perkara yang salah, beriman kepada Allah s.w.t. dan RasūlNya serta beramal soleh dengan ‘ilmu pengetahuan mereka, kerana proses mendapatkan ‘ilmu dapat menjadikan mereka mengenal tanda-tanda (āyāt) Allah s.w.t. seperti QudratNya, IrādahNya, SunnahNya, RubūbiyyahNya, ḥukumNya, tujuanNya, peringatanNya, keredaanNya, kemurkaanNya dan lain-lain yang terdapat dalam sejarah manusia serta ‘ālam semesta diri manusia

sendiri (Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan, 1988: 24-27). Ini selaras dengan firman Allāh s.w.t. yang meletakkan mereka yang berilmu pengetahuan sebaris dengan para malāikat:

Allāh menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan yang berhaq di sembah melainkan Dia, yang sentiasa mentadbir (seluruh 'ālam) dengan keadilan, dan malāikat-malāikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana (Terj., Ŝūrah Ali 'Imrān: 18).

'Ilmu adalah sebagai alat pengukur bagi mencapai keimanan dan ketaqwaan seseorang kepada Allāh s.w.t. 'Ilmu dan īmān tidak boleh dipisahkan-pisahkan kerana kedua-duanya saling berinteraksi dan saling pengaruh-mempengaruhi (Dr. Hj. Abdullah Ishak, 1995, op cit: 38). Allāh s.w.t. tidak akan menilai seseorang itu dari paras rupa, warna kulit, bangsa, keturunan, kekayaan, dan keturunan, malah ia akan dinilai pada tahap ketinggian 'ilmu yang dimilikinya. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Allāh akan meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberikan 'ilmu beberapa darjah... (Terj., Ŝūrah al-Mujādalah: 11).

Allāh s.w.t. mensyaratkan pemilikan 'ilmu pengetahuan kepada manusia untuk menjadi khalifahNya di muka bumi ini. Allāh s.w.t. telah mengajarkan kepada hambaNya yang bernama Ādam a.s. tentang nama-nama yang melambangkan proses pemberian 'ilmu (Rasid Muhamad, 1993: 6) sebagai amanah bagi mentadbir dan memakmurkan muka bumi ini. Ianya jelas terbukti melalui penjelasan di dalam al-Qur'ān yang bermaksud:

Dan Tuhan telah mengajarkan kepada Ādam nama-nama segalanya²⁷, kemudian diperlihatkan semua kepada malāikat, lalu Tuhan mengatakan: Sebutkanlah kepadaKu nama-nama semua ini, kalau memang kamu benar. Kata malāikat: Maha Suci Engkau. Kami tidak mengetahui selain dari apa yang telah engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya engkau Maha Tahu dan Bijaksana (Terj., Šūrah al-Baqarah: 31-32).

Kisah silam pada masa kehidupan Rasūl Allāh s.a.w. telah membuktikan bahawa ‘ilmu itu amat penting bagi membimbing tujuan dan matlamat hidup manusia walau di mana sekalipun mereka berada. Rasūl Allāh s.a.w. menyampaikan ‘ilmu kepada orang ramai di rumahnya, di rumah para sahabat, masjid dan tempat-tempat perhimpunan. Rasūl Allāh s.a.w. mengenakan syarat kepada setiap orang tawanan akan dibebaskan jika mereka mampu mengajar sepuluh anak orang Islām menulis dan membaca (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1997: 75).

Manusia hendaklah mengambil inisiatif yang berfaedah dalam melakukan aktiviti-aktiviti keilmuan bagi memelihara dan mengagungkan kepentingan ‘ilmu dalam Islām. Šūrah al-‘Asr, āyat 1 hingga 3 menekankan kepada manusia tentang kepentingan menghargai masa, dan āyat 85 dalam Šūrah Tāhā menggalakkan mereka menambahkan ‘ilmu. Mereka juga mestilah berfikiran terbuka di dalam menimba ‘ilmu pengetahuan tidak kira di mana situasi sekalipun mereka berada. Perlulah difahami bahawa ‘ilmu itu tidak akan datang secara bergolek, bahkan ‘ilmu itu perlu dicari dan cabaran untuk melaksanakannya adalah satu kewajipan.

²⁷ Tuhan telah mengajarkan kepada Ādam nama-nama segalanya ya'ni Tuhan mengajarkan kepada Ādam nama-nama benda dan gunanya.

2.4 PROSES PEMBELAJARAN ‘ILMU

Tanggungjawab menuntut ‘ilmu adalah terletak di atas bahu semua insan yang waras akal fikirannya, tidak kira lelaki maupun perempuan. Ḥadīth di bawah menyatakan tentang kewajipan menuntut ‘ilmu ke atas semua manusia:

Menuntut ‘ilmu adilāh wājib ke atas Muslimīn (orang lelaki) dan Muslimāt (orang perempuan) (Terj., Riwāyat Ḥadīth al-Bukhārī dan Muslim)²⁸.

Melalui pemahaman ḥadīth tersebut, proses pembelajaran ‘ilmu dapat diklasifikasikan kepada dua, iaitu secara formal dan juga informal.

2.4.1 Pembelajaran Secara Formal

Proses yang pertama bermula daripada pra-persekolahan yang menjadi amat penting pada masa ini. Islām mewajibkan manusia mencari guru dalam menuntut ‘ilmu (Prof. Dr. Hamka, 1976: 209). Dalam proses ini, guru mestilah mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa kanak-kanak (*ibid*: 225). Seorang kanak-kanak itu hendaklah diberi pendidikan apabila mereka mencapai umur tujuh tahun, seperti mereka diajar tentang cara-cara untuk beribadat kepada Allāh s.w.t. Proses ini amat penting sebagai bekalan kepada mereka untuk menempuh hidup di ‘ālam dewasa nanti. Sabda Rasūl Allāh s.a.w.:

²⁸ Lihat Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, t.t., op cit, jil. 1: 9.

Suruh dan ajarilah anakmu sembahyang apabila sampai umur tujuh tahun, dan pukullah mereka sekiranya meninggalkan (sembahyang) bila meningkat umur sepuluh tahun (Terj., Ḥadīth Riwāyat al-Tirmīdhī)²⁹.

Oleh itu, asas yang paling penting proses ini adalah menyediakan kurikulum berdasarkan al-Qur'an sebagaimana yang dinyatakan oleh ibnu Khaldūn (Franz Rosenthal [terj.], 1970 : 5 & 300).:

Perlu difahami bahawa pengajaran al-Qur'an bagi kanak-kanak adalah simbol Islām. Orang Islām mengamalkan pendidikan begini di dalam semua bandar dan kota, kerana pengajaran al-Qur'an menyaluti hati manusia dengan kepercayaan yang (terhadap Islām) dan segala rukun īmān yang terdapat di dalamnya yang berpunca daripada āyaṭ-āyaṭ al-Qur'an dan ḥadīth Nabī. Al-Qur'an menjadi asas pendidikan dan dasar kepada semua ḥabi'at serta kelakuan yang muncul kemudian. Sebabnya ialah semua ḥāl yang dipelajari oleh seseorang semasa ia muda akan lebih kukuh dan lebih berakar umbi (berbanding dengan lain-lain). Ia menjadi dasar kepada semua 'ilmu pengetahuan yang didapati kemudian di dalam penghidupan seseorang. Tanggapan pertama yang diterima oleh hati, dari suatu segi tertentu, menjadi asas bagi segala kegiatan kesarjanaan yang muncul terkemudian.

Imām al-Ghazālī telah mengambil nilai-nilai dari al-Qur'an dan Sunnah Nabī bagi menerangkan bagaimana caranya mendidik dan mengajar kanak-kanak di peringkat ini, iaitu:

Anak harus diberi kesibukan-kesibukan di sekolah dasar (pra-persekutuan), untuk mempelajari al-Qur'an, dan cerita-cerita tentang orang baik-baik dan ḥāl eḥwal kepada mereka, supaya tertanam dalam jiwanya kecintaan kepada orang-orang yang soleḥ (Prof. Dr. Ahmad Shalaby, Prof. H. Muchtar Jahja & Drs. M. Sanusi Letief [terj.], 1976: 248).

²⁹ Lihat Mohd. Ali Abu Bakar, 1998: 11-12.

2.4.2 Pembelajaran Secara Informal

Proses ini berterusan sejak seseorang manusia itu lahir sehingga dia meninggal dunia. Ianya bermula di ‘ālam roh seperti yang dijelaskan oleh Allāh s.w.t. telah di dalam al-Qur’ān āyat 30 hingga 35, Ṣūrah al-Baqarah. Dalam āyat tersebut, Allāh s.w.t. menyuruh nabī Ādam a.s. agar menyebutkan sesuatu perkara yang tidak diketahui oleh malaikat dari iblis di hadapanNya.

Proses ini amat bermakna kepada manusia sebelum bayi dilahirkan. Ini kerana didikan kepada anak-anak bermula sejak dalam kandungan ibunya lagi. Seorang ibu mestilah bijak memainkan peranannya ketika ia mengandung, kerana bayi akan menerima ‘ilmu melalui deria sentuhan, rasaan yang dibawa oleh ibunya dan ‘ālam sekelilingnya. Ketika mengandungkan bayi, ibu-ibu digalakkan memperdengarkan bacaan-bacaan keagamaan dan juga bacaan al-Qur’ān seperti Ṣūrah Yāsīn, Yūsūf, Luqmān, Maryam dan lain-lain lagi agar kelahiran bayi itu akan menjadi manusia yang bermakna kelak.

Sebaik sahaja bayi lahir, disyariatkan dalam Islām supaya diadhankan pada telinga kanannya dan diliqamatkan pada telinga kirinya. Abū Dāwūd dan al-Tirmīdhī meriwayatkan dari Abū Raft’ bahawa dia berkata:

Aku melihat Rasūl Allāh s.a.w. menyuarakan adhān pada teliga al-Ḥasan bin ‘Alī, ketika Faṭimah melahirkannya (Dipetik dalam Dr. Abdullah Nashih Ulwan, 1990: 57).

Al-Baīhaqī dan ibnu al-Sunnī meriwayatkan dari al-Hasan bin ‘Alī dari Nabī s.a.w.:

*Barang siapa diberi anak yang baru lahir, kemudian ia menyuarakan adhān pada telinga kanannya dan iqāmat pada telinga kirinya, maka anak yang baru lahir itu tidak akan terkena bahaya Ummu al-Shibbān*³⁰ (ibid).

Tujuan diadhankan dan diiqamatkan ke telinga bayi ialah untuk memperdengarkan kepadanya kalimah-kalimah seruan yang Maha Esa dan tanda *syahādah* (kesaksian) kepada bayi tersebut sebagai pertama kali menerima Islām. Selain itu, kalimah-kalimah adhān dan iqāmat dapat melemahkan dan menghalau syāitān pada masa bayi itu dilahirkan. Adhān dan iqāmah juga dapat menda'wah bayi kepada agama dan mendahului Allāh s.w.t. daripada syāitān (ibid: 57-58).

Apabila bayi berumur sepuluh atau lima belas hari, matanya dapat melihat dan cuba mempersatukan apa yang dilihatnya. Begitulah seterusnya apabila mereka meningkat bāligh, hatinya mula berfungsi (Mohd. Ali Abu Bakar, 1998: 13-14) menandakan mereka telah dipertanggungjawabkan untuk menempuh liku-liku kehidupannya yang serba mencabar di dunia ini.

Justeru itu, proses pembelajaran ‘ilmu ternyata dirasai oleh semua manusia tidak kira bangsa apa sekalipun. Cuma mereka sahaja yang akan merealisasikan proses penerimaannya mengikut acuan mereka sendiri seperti mana sabda Rasūl Allāh s.a.w. yang bermaksud:

³⁰ *Ummu al-Shibban* atau ibu bayi-bayi ialah angin yang dihembuskan kepada anak, yang barangkali anak takut kepadanya. Dikatakan bahawa yang dimaksudkan itu adalah pengikut jin, sesetengah orang menyebutnya *qarīnah* (Dr. Abdullah Nashih Ulwan, 1990: 57).

Anak-anak itu dilahirkan dalam keadaan suci bersih. Terpulanglah kepada kedua ibu bapanya untuk mencorakkannya menjadi Yahūdī, Naṣrānī dan Majūsī (Terj., Ḥadīth Riwāyāt Bukhārī dan Muslim)³¹.

2.5 KLASIFIKASI ‘ILMU

2.5.1 ‘Ilmu Menurut Para Intelektual Klasik Islām

Para ulamā’ Islām telah mengklasifikasikan ‘ilmu kepada tiga bahagian iaitu (lihat Mohd. Ali Abu Bakar, 1998, op cit: 16):

Pertama : ‘Ilmu Uṣūl al-Dīn atau disebut juga ‘ilmu Tāwhīd.³²

Kedua : ‘Ilmu Syarī‘at atau ‘ilmu Perundangan Islām³³ dan ‘ilmu Taṣawwuf³⁴.

Ketiga : ‘Ilmu ‘Alaṭ atau ‘ilmu Akademik.³⁵

Ahli falsafah Islām mengklasifikasikan ‘ilmu kepada beberapa klasifikasi dan pengklasifikasian yang dibuat oleh mereka adalah berbeza-beza. Ianya bergantung kepada beberapa aspek dan dasar pertimbangan mereka, seperti pengklasifikasian berdasarkan naluri dan pengalaman, ciri ‘umūm dan khuṣūs, kesederhanaan dan

³¹ Lihat Abū ‘Isā Muḥammad ibnu ‘Isā ibnu Şūrah al-Tirmidhī, t.t. juz. 3: 303.

³² ‘Ilmu Tāwhīd atau ‘ilmu Uṣūl al-Dīn ialah ‘ilmu yang paling tinggi tempatnya berbanding dengan ‘ilmu yang lain. Ia merupakan ‘ilmu yang asas di dalam Islām seperti rukun Islām dan rukun Imān.

³³ ‘Ilmu Syarī‘at atau ‘ilmu Perundangan Islam ialah ‘ilmu yang menerangkan panduan hidup yang harus diikuti oleh setiap Muslim seperti undang-undang keluarga dan undang-undang berjual-beli. Ianya menduduki tempat yang kedua di dalam Islām, tetapi masih bersandarkan kepada ‘ilmu tāwhīd.

³⁴ ‘Ilmu Taṣawwuf ialah ‘ilmu yang berkaitan dengan ‘aqīdah seperti dhikir-dhikir yang kebiasaannya dilakukan oleh ahli ṣufi yang berbentuk doā'-doā' dengan menyebut nama Allāh s.w.t.


³⁵ ‘Ilmu Akademik atau ‘ilmu Ālaṭ ialah ‘ilmu yang terkebawah sekali tempatnya, dan ia dapat diperolehi melalui kemahiran ataupun eksprimen seperti ‘ilmu Sains, Teknologi, Matematik dan lain-lain lagi.

kompleks, punca dan cara memperolehinya, dan beberapa pertimbangan yang lain dalam pengklasifikasian ‘ilmu itu (Dr. Hasan Langgulung, 1997, op cit: 13). Bagaimanapun mereka bersepakat mengatakan bahawa objek pengetahuan yang tertinggi dan termulia datangnya dari Allāh s.w.t.

Bagi menjelaskan semua penerangan tersebut, diperturunkan beberapa pendapat ahli falsafah Islām yang terkenal dan disertai dengan rajah yang mencrangka pengklasifikasian ‘ilmu mengikut pertimbangan mereka.

Abū Yūsūf Ya‘qūb ibnu Ishāk al-Kindī³⁶ (796-873 M) sangat percaya dengan prinsip ahli falsafah Greek. Al-Kindī telah melakukan sesuatu yang terbaik bagi menyesuaikan pandangan falsafahnya dengan unsur-unsur kepercayaan Islām (Tan Sri Muhammad Abdul Rauf, 1995: 68). Beliau mengklasifikasikan cabang ‘ilmu kepada dua iaitu Teoritikal dan Praktikal. Pengklasifikasian ‘ilmu ini adalah pengklasifikasian yang telah dibuat oleh ahli falsafah Greek iaitu Aristotle (384-322 H) yang dapat dijelaskan seperti rajah di sebelah:

³⁶ Al-Kindī berasal dari suku ‘arab, Kindah dan dilahirkan di Kūfah. Di Barat, beliau dikenali sebagai *al-Kindus*. Beliau merupakan seorang ahli falsafah Muslim pertama yang begitu terkenal pada Zaman Pertengahan.




Rajah 2.5.1(a) : Klasifikasi ‘ilmu oleh al-Kindī³⁷
 Sumber : Mustafa Hj. Daud, 1991: 6

Kemudian, Abū Naṣr Muḥammad ibnu Muḥammad ibnu Turkhan ibnu Awzalagh³⁸ al-Fārābī³⁹ (878-950 M) pada mulanya tidak menukar cabang ‘ilmu yang dibuat oleh Aristotle. Tetapi selepas kematian Aristotle, al-Fārābī menambah cabang ‘ilmu yang tidak dibuat oleh Aristotle (Lihat Franz Rosenthal, 1975: 50) dan al-Kindī. Latar belakang pendidikan agama telah mempengaruhi cara berfikir al-Fārābī sehingga beliau membuat percubaan yang sangat baik dalam dunia falsafahan Islām. Beliau telah mencampuradukkan antara falsafah dengan agama (Idris Zakaria, 191: 13) dan beliau akhirnya telah memasukkan cabang ‘ilmu Kalām dan ‘ilmu Fiqah dalam pengklasifikasiannya. Cabang ‘ilmu yang dibuatnya adalah seperti rajah yang berikut:

³⁷ Dalam pengklasifikasian ini, al-Kindī meletakkan ‘ilmu Psikologi dalam ‘ilmu Ṭabi‘ī.

³⁸ Menurut Prof. Dato’ Dr. Osman Bakar dalam bukunya, *Classification of Knowledge* (1992: 31) dan juga dalam buku karangannya *Al-Fārābī* (1992: 19) menjelaskan silsilah keturunan al-Fārābī tidak disepakati dalam sumber-sumber tradisional. Beliau mengambil galuran yang diberikan oleh ibnu Kallikan yang umumnya diterima oleh para sarjana moden sebagai nama yang sahih. Bagaimanapun kedua-dua nama Tarkhan dan Azwalagh muncul di dalam kebanyakan sumber apabila nama al-Fārābī dicatat. Tambahan pula, para sarjana moden berbalah pendapat tentang sebutan yang betul bagi nama datuk al-Fārābī. Beberapa cara sebutan dicadangkan, seperti *Uzalaj* (Resher), *Uzlagh* (Langhade, De Boer), *Uzluk* (M. Turker, Kuyel), dan *Awzalagh* (de Slane, Walzer, Mahdi). Osman Bakar berpendapat *Awzalagh* adalah bentuk sebutan yang dipindah ke sebutan ‘Arab bagi nama Turki.


³⁹ Al-Fārābī berasal dari al-Fārāb di Turkistan. Di Eropah, beliau digelar *Avernasar Alpharabus*. Beliau merupakan seorang ahli pemikir yang terkenal dengan kebijaksanaannya dalam bidang falsafah pada Zaman Pertengahan sehingga dikenali sebagai “al-Mu’allimu al-Thānī” (guru kedua), nişbah kepada Aristotle sebagai guru pertama.



Rajah 2.5.1(b) : Klasifikasi ‘ilmu oleh al-Fārābī
 Sumber : Mustafa Hj. Daud, 1991: 6

Seterusnya, Abū ‘Alī Ḥussayn ibnu Abd Allāh al-Ḥasan, lebih dikenali dengan ibnu Sīnā⁴⁰ (980-1037 M) turut mengakui cabang ‘ilmu yang dibuat oleh Aristotle. Bagaimanapun ibnu Sīnā membuat beberapa tambahan cabang ‘ilmu dengan berdasarkan kepada al-Qur’ān, al-Sunnah dan pengalamannya. Pengklasifikasian ‘ilmu yang dibuat oleh beliau adalah seperti rajah yang seterusnya:

⁴⁰ Di Barat, ibnu Sīnā digelar *Avicenna*. Beliau berasal dari Asfhānā berhampiran Bukhārā.



Rajah 2.5.1(c) : Klasifikasi ‘ilmu oleh ibnu Sīnā
 Sumber : Dr. Hasan Langgulung, 1997: 15

Ahli falsafah Islām yang berikutnya ialah Abu Ḥamīd⁴¹ ibnu Muḥammad al-Ṭūṣī⁴² al-Syāfi’ī⁴³ al-Ghazālī⁴⁴ (1058-1128 M). Pada fasa yang pertama, al-Ghazālī meniru pengklasifikasian ‘ilmu yang telah dibuat oleh al-Kindī, Aristotle dan al-Fārābī, seperti yang tercatat dalam bukunya *Maqāsid al-Falāsifah* dan *Ma’rij al-Sālikīn* telah menghubungkan *mukāshafah* dan *manqūlah* (Wan Maizan Wan Daud, 1996: 59). Pada fasa yang kedua, beliau mengkaji jiwa dengan menurunkan bukti melalui buku

⁴¹ Gelaran Abu Ḥamīd yang diberikan kepada al-Ghazālī adalah nama anak lelakinya yang bernama Ḥamīd yang telah meninggal dunia sejak kecil lagi.

⁴² Gelaran al-Ṭūṣī ialah niṣbah daerah Tus di Khurāsān.


⁴³ Gelaran al-Syāfi’ī ialah niṣbah kepada madhhab yang dianutinya iaitu Syāfi’ī.

⁴⁴ Di Barat, Al-Ghazālī dikenali sebagai *al-Gazel*.

karangannya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beliau memberi gambaran kepada manusia bahawa mereka memerlukan ‘ilmu sebagai panduan untuk melaksanakan ‘amal ‘ibadat. Contohnya, ‘ilmu Matematik mengajarkan kepada manusia tentang melaksanakan zakāt, kewangan, perniagaan dan pembahagian harta-pusaka. Manakala ‘ilmu Geografi pula adalah penting untuk manusia mempelajarinya seperti ketika ingin menunaikan fardū haji dan ‘umrah (Ismail Hj. Ibrahim & Wan Mohd. Sahri Abdul Rahman, 1994 : 40).

Dengan itu, beliau mengklasifikasikan ‘ilmu seperti berikut:


FASA PERTAMA :



⁴⁵ Lihat Dr. Hasan Langgulung (1997: 16) mengenai istilah-istilah di atas. *Mukasyafah* adalah seerti dengan "teorikal", *mu'āmalah* adalah seerti dengan "praktikal", *zāhir* adalah seerti dengan "yang nampak", *bātin* adalah seerti dengan "yang tidak nampak", *ādat* adalah seerti dengan "kebiasaan", *muhlikah* adalah seerti dengan "yang membina-sakan", *munjiyyah* adalah seerti dengan "yang menyelamatkan".

Rajah 2.5.1 (d): Sambungan


FASA KE-2:



Rajah 2.5.1(d) : Klasifikasi ‘Ilmu oleh al-Ghazālī
Sumber : Mustafa Hj. Daud, 1991: 7

Selepas al-Ghazālī, lahir lagi ahli falsafah Islām seperti ‘Abd al-Rahmān ibnu Muḥammad ibnu Khaldūn al-Hadramī (1332-1395 M), Abu al-Walīd Muḥammad ibnu Aḥmad ibnu Muḥammad ibnu Rusyd (1126-1198 M), Abu Bakr Muḥammad ibnu ‘Abd al-Mālik ibnu Thufāl al-Qāisi (1106M) dan banyak lagi. Bagaimanapun ibnu

Khaldūnlah⁴⁶ yang paling banyak membuat pengklasifikasian ‘ilmu berbanding dengan ahli-ahli falsafah sebelumnya. Pengklasifikasian ‘ilmu yang dibuatnya adalah berbentuk keagamaan, falsafah, kemasyarakatan, sastera, dan pendidikan yang dapat diklasifikasikan kepada ‘ilmu *Naqlī* dan ‘ilmu ‘Aqlī (Abdullah al-Amin al-Na’miy, Mohd. Ramzi Omar [terj.], 1994, op cit: 13) yang dapat difahami melalui rajah seperti di bawah:



Rajah 2.5.1 (e) : Klasifikasi ‘Ilmu oleh ibnu Khaldūn
Sumber : Dr. Hassan Langgulung, 1997: 18

⁴⁶ Ibnu Khaldūn berasal dari Yamān tetapi menetap di Sepanyol.


⁴⁷ Dalam pendidikan moden seperti sekarang, ‘ilmu Binaan disebut sebagai ‘ilmu Kemahiran, iaitu ‘ilmu yang sesuai untuk pekerjaan tertentu dalam bidang ikhtisas.

2.5.2 ‘Ilmu Menurut Wahyu

Walau apa pun penjenisan yang diutarakan oleh para ‘ālim ‘ulamā’ dan ahli-ahli falsafah Islām, namun al-Qur’ān dan al-Hadīth sebagai teras segala ‘ilmu di dalam Islām (W. Abdullah bin Hj. W. Mahmood & Dra. Wista Ahmad, 1997: 88) yang dapat diklasifikasikan kepada dua jenis yang utama iaitu ‘ilmu *Naqīl*⁴⁸ dan ‘ilmu *Aqlī*⁴⁹. ‘Ilmu menurut wahyu adalah bersepada kerana kandungan dalam al-Qur’ān dan al-Hadīth merangkumi ‘ilmu duniā dan akhirat. Ia adalah benar, berjalan serentak tanpa menimbulkan tanda-tanda pertentangan antara satu sama lain, malah kedua-duanya saling memahami dan bekerjasama yang akhirnya dapat menyelesaikan sesuatu masalah (Isma‘īl Rajī Al-Fārūqī, 1982, op cit: 28). Bagi menguatkan hujah di atas, ‘ilmu dari perspektif Islām dapatlah digambarkan seperti rajah berikut:

⁴⁸ Kadang-kadang ‘ilmu *Naqīl* disebut juga ‘ilmu *Farḍū ‘Aīn* atau ‘ilmu *Syar‘iyyah*. ‘Ilmu *Naqīl* merupakan ‘ilmu asas yang wājib dipelajari oleh setiap individu muslim untuk kepentingan di hari akhirat. Ianya menyentuh persoalan ‘aqīdah, syar‘ah dan akhlāq yang dapat dicapai melalui perantaraan wahyu Allah iaitu al-Qur’ān, al-Hadīth dan hidayaNya. Penghayatan ‘ilmu *Naqīl* dapat membina diri manusia agar menjadi hamba Allah s.w.t. yang bertaqwah kepadaNya dengan sebenar-benarnya. ‘Ilmu ini adalah mutlak dan paling tinggi yang ternyata jelas mengandungi kebenaran yang tidak boleh dikaji sekalipun dengan menggunakan kepakaran saintifik serta di luar jangkauan fikiran dan pancaindera manusia.

⁴⁹ ‘Ilmu *Aqlī* disebut juga ilmu *Farḍū Kifāyah*. ‘Ilmu *Aqlī* adalah sebagai pelengkap kepada ‘ilmu *Naqīl*. Ianya diperolehi melalui pengalaman, pemerhatian, penelitian, pemikiran dan penyelidikan. ‘Ilmu *Aqlī* wājib dipelajari oleh sebahagian masyarakat Islām sahaja dan bukannya sebagai kewajipan ke atas setiap individu. Walau bagaimanapun dalam waktu-waktu tertentu, ianya boleh bertukar menjadi wājib kepada manusia seperti berperang melawan musuh yang ingin menjajah negara kita. ‘Ilmu *Aqlī* amat penting dalam menjalani kehidupan manusia di dunia ini terutamanya dari segi material. Manusia memerlukan pengetahuan dan maklumat yang lengkap tentang ‘ālam fizikal, ‘ālam kemanusiaan dan ‘ālam kemasyarakatan untuk menggunakan kekuatan jasmānī dan rohānī mereka. Penggunaan ‘ilmu *Aqlī* dapat membuka minda manusia terhadap tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. supaya mereka mengetahui tentang diri mereka sendiri, mengetahui tentang ‘ālam sekitar, mengetahui tentang sejarah manusia dan masyarakat, mengetahui tentang ‘ilmu Kemanusiaan, ‘ilmu Kemasyarakatan dan ‘ilmu Sains Ḥabīb. Peranan manusia ialah membangunkan ‘ilmu tersebut tanpa menyimpang dari landasan syariatNya. ‘Ilmu *Aqlī* adalah ‘ilmu keselamatan, kestabilan, keutuhan dan kemakmuran bagi masyarakat Islām. Jika masyarakat Islām tidak mempunyai ‘ilmu tersebut, mereka seolah-olah bergantung kepada masyarakat lain. Situasi ini tidak harus berlaku kepada masyarakat Islām, kerana jika mereka hilang ‘ilmu ini, mereka akan menjadi sebuah bangsa yang kalah dan hilang jati diri.



Rajah 2.5.2. (a) : Klasifikasi ‘ilmu Menurut Wahyu

Sebagai hamba Allāh s.w.t., mereka mestilah seimbangkan ‘ilmu yang mereka pelajari. Ia terdiri daripada ‘ilmu *Naqlī* dan ‘ilmu *Aqlī*. Penggabungan kedua-dua ‘ilmu tersebut dapat meningkatkan ḥimān dan ketaqwaan manusia kepada Allāh s.w.t. Kebijaksanaan seseorang itu menilai perkara yang *haq*⁵⁰ dan perkara yang *bāṭil*⁵¹ akan menjamin kebahagiaan hidup mereka di duniā dan di akhirat.

⁵⁰ *Haq* ialah perkara yang benar menurut perspektif Islām, dan digalakkan kepada manusia melakukan aktiviti-aktivitinya bagi mendapat keredaan dari Allāh s.w.t..

⁵¹ *Bāṭil* ialah perkara yang salah menurut perspektif Islām, dan manusia tidak dibenarkan sama sekali membuat tindakan yang dilarang oleh syar’at Allāh s.w.t..

2.6 SUMBER ‘ILMU

Untuk mendapatkan ‘ilmu, manusia memerlukan kepada sumber-sumber tertentu.

Terdapat beberapa sumber ‘ilmu yang diakui dalam falsafah Islām iaitu:

2.6.1 Deria

Sumber ‘ilmu deria ialah menggunakan pancaindera seperti penglihatan, pendengaran, ciuman, rabaan, rasaan, iaitu pengamatan dan pengalaman (Sulaiman Noordin, 1997: 2).

Kelima-lima pancaindera tersebut berfungsi sepenuhnya sewaktu manusia ingin memulakan proses pembelajaran dan pemerolehan ‘ilmu (Amini Amir Abdullah dalam Hj. Ahmad Fauzi Hj. Morad & Ahmad Tarmizi Talib [ed.], 2000: 30). Melalui pancaindera, manusia dapat mengesan segala maklumat dan seterusnya ditafsirkan ke otak. Maklumat yang terhasil melalui proses deria ini dapat memberi kesan intelektual yang lebih tinggi seperti khayalan, pemikiran dan lain-lain.

Penglihatan dan pendengaran merupakan indera yang paling penting kerana kedua-duanya dapat menangkap lebih banyak maklumat dan kedua-dua elemen inilah yang menjadi fokus utama dalam al-Qur’ān, khuşusnya mengenai sikap dan tuntutan memikirkan tentang kejadian ‘ālam luas ciptaan Allāh s.w.t. Tangkapan paling terpenting ialah mata hati dan akhirnya kombinasi indera tersebut dapat melahirkan keimanan dan keyakinan yang sepenuhnya (*ibid*) kepada Allāh s.w.t.

Imām al-Ghazālī berpendapat sumber deria ini tidak akan membawa kepada ‘ilmu, kerana elemen seperti akal lebih penting. Deria mempunyai banyak batasan dan kadangkala ia berupaya melakukan kesalahan. Kerana itulah Allāh s.w.t. mengurniakan kepada kita sumber akal agar dapat membetulkan kesalahan deria (Syeīkh Dr. Yūsūf al-Qardhāwī, Muḥammad Firdaus [terj.], 2000: 117).

2.6.2 Akal

Akal adalah alat istimewa dalam hidup manusia untuk menetap atau memutuskan apa sahaja. Ia juga dapat membezakan manusia daripada hāiwān (*ibid*). Akal yang shihāt dan aktif akan dapat menerima ‘ilmu pengetahuan yang mengandungi tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allāh s.w.t. di ‘ālam ini. Ia merangkumi pengetahuan manusia tentang dirinya, ‘ālam sekitar, sejarah manusia, dan juga masyarakat yang ada pada hari ini dipelajari melalui ‘ilmu Kemanusiaan, ‘ilmu Kemasyarakatan dan ‘ilmu Sains Ṭabī‘ī. Ini akan membawa kepada peningkatan īmān dan ‘amal ṣoleh, iaitu hubungan kerohaniaan dengan Allāh s.w.t. dan dengan RasūlNya yang melahirkan ḥisāt ketaqwaan dalam diri seseorang ilmuwan. Dari dasar itulah terbitnya pelbagai perbuatan, tindak-tanduk dan manifestasi tuntutan dan matlamat hidup seseorang Muslim seperti yang dituntut oleh Islām (Amini Amir Abdullah dalam Hj. Ahmad Fauzi Hj. Morad & Ahmad Tarmizi Ṭalib [ed.], 2000, op cit: 29).

Menurut al-Syeīkh Abu Sulāymān al-Manṭiqī, kedudukan akal manusia berbeza-beza dan mempunyai kemampuan yang tidak sama antara satu sama lain (Prof. Dr. Al-Syeīkh Abdul Ḥalīm Maḥmūd, Mohd. Fakhrudin Abd. Muktī (terj.), 1995: 24). Oleh itu akal mempunyai tahap kepintarannya yang tersendiri yang dipengaruhi oleh motivasi, ‘ālam

sekitar, budaya kaum, kesihatan diri dan ḥāl-ehwal keluarga. Faktor-faktor ‘ālam sekeliling dapat meninggikan tahap akal seseorang (Sulaiman Noordin, 1997: 6), tetapi penerimaan maklumat seseorang itu adalah tidak sama. Contohnya penerimaan maklumat ketika para pelajar mengikuti kuliah yang disampaikan oleh pensyarah adalah berbeza di antara mereka. Hanya akal sahaja yang dapat memandu manusia agar tidak terjerumus ke lembah kebinasaan (Ismail Abdul Rahmān, 1989: 100).

Walaupun akal diterima sebagai salah satu sumber ‘ilmu, namun ahli falsafah Islām seperti Imām al-Ghazālī, al-İsfahānī dan beberapa ‘ulamā’ lain berpendapat bahawa akal itu terbatas dan tidak harus diterima secara total sebagai sumber ‘ilmu. Pembatasan itu adalah pada perkara yang berkaitan dengan agama, akhlāq dan perkara-perkara ghāib seperti ketuhanan, kenabian, roh, akhirat, ‘aqīdah, hikmat, ‘amal ‘ibādat dan lain-lain lagi. Demikian juga dalam membicarakan keadilan itu baik dan kezaliman itu buruk, kerana akal tidak sanggup sampai ke tahap itu. Dengan ini, akal meletakkan kemampuan manusia kepada hanya pada penguasaan perkara yang mampu ditanggapi dan pada perkara-perkara yang di luar kemampuan penguasaan mereka (Dato’ Dr. Abdul Monir Yaakob dalam Ismail Hj. Ibrahim & Mohd. Sahri Abdul Rahmān [pnyt.], 1994, op cit: 37) adalah dirujuk kepada wahyu. Kenyataan ini disokong oleh Al-Bahay yang bersetuju bahawa objek pengetahuan yang tertinggi dan mulia adalah pengetahuan dari Allāh s.w.t dan akal fikiran adalah terkemudian dari itu. Beliau berkata:

Islām menganggap Allāh s.w.t. sebagai tumpuan tertinggi pengetahuan objek hakiki dan mereka patut menumpukan pengetahuan kepadaNya menerusi akal dan fikiran (Al-Bahay, 1967: 71).

Menurut Isma‘īl Rajī al-Fārūqī (1982, op cit: 13) pemisahan wahyu dari akal tidak dapat diterima sama sekali kerana ia akan mendatangkan bahaya kepada keseluruhan roh Islām. Ia juga bertentangan dengan ajaran utama al-Qur’ān untuk berhujah, menimbang segala perkara secara rasional, memihak kepada yang lebih beralasan serta lebih sederhana (ibid). Tegasnya lagi (ibid), Islām mengajak manusia agar mempergunakan akal serta kebolehan semula jadi mereka untuk membuat pertimbangan terhadap semua tuntutan dan pilihan serta berada dalam keadaan yaqīn. Tanpa keyaqinan akal, kebenaran wahyu tidak boleh dihargai dan manusia tidak dapat mengetahui wahyu-wahyu itu sebagaimana terdapat dari Allāh s.w.t. dan mengakuinya. Apabila tuntutan wahyu tidak berdasarkan kepada keyaqinan akal, dengan itu ia bersifat subjektif, merupakan pendapat yang dilahirkan sewenang-wenang, ganjil dan aneh.

2.6.3 Intuisi

Dr. Hasan Langgulung (1997, op cit: 21), mendefinisikan intuisi sebagai perpindahan sifat potensi ke ‘ālam kenyataan dalam bentuk lompatan intelektual yang cepat tanpa menerusi deria baṭin atau disebut keserasian hati, pertisipasi rohāniyyah atau rasa rohānī yang langsung.

Intuisi ialah ilhām akal, fikiran dan jiwa aktif yang berpindah dari permulaan ke pengakhirannya tanpa perantaraan, tanpa sengaja dan kemahuan sendiri (Amini Amir Abdullah dalam Hj. Ahmad Fauzi Hj. Morad & Ahmad Tarmizi Ṭalib [ed.], 2000, op cit: 28). Ahli falsafah Islām seperti Imām al-Ghazālī dan ibnu Sinā berpendapat, keupayaan intuisi berbeza pada seseorang manusia dengan manusia yang lain. Ini bermakna intuisi boleh bertambah dan juga boleh berkurang. Jika intuisi bertambah ia

menunjukkan perkembangan positif kerana seseorang itu dapat bertindak untuk melakukan sesuatu dengan secepat yang mungkin, tetapi jika berkurang, ianya mungkin tidak ada intuisi langsung (Marhaba, 1970: 487).

Imām al-Ghazālī menjelaskan, untuk mendapatkan intuisi mestilah menumpukan kepada objek intuisi dan tidak terputus sama sekali. Di samping itu, seseorang itu harus mempunyai *minat* pada perkara tersebut. Beliau menjelaskan lagi, intuisi itu ‘ilmu yang secara langsung. Bagi orang yang memiliki intuisi ini akan lebih *yaqīn* dengan intuisi daripada ‘ilmu yang diperolehi menerusi akal. Bagi orang yang tidak memilikinya, orang lain tidaklah seperti itu. Intuisi dan *ilhām* mempunyai persamaan dalam perkara tertentu menerusi akal yang aktif. Contohnya, perkara yang berkaitan semua ‘ilmu yang keluar dari sifatnya sebagai potensi lalu menjadi aktualiti. Beliau juga membezakan antara *ilhām* dan intuisi. Intuisi berhubung dengan ‘ilmu-‘ilmu yang memiliki peringkat-peringkat keabstrakan menerusi pancaindera, tetapi *ilhām* berhubung dengan perkara-perkara yang ‘*aqlīyyah* dan abstrak, realiti dan ideal (Othman, 1963: 337-339).

Menerusi intuisi manusia berkebolehan mengetahui realiti bātin ‘ālam tanpa berfikir atau mengkaji terlebih dahulu. Ini kerana intuisi *ḥādīr* hanya melalui gerak hati atau keserasian hati seseorang. Hati yang *ṣīhat*, dan tulus *ikhlāṣ* akan memudahkan seseorang itu memahami fenomena-fenomena di ‘ālam ini, dan ternyata kebenaran itu tidak mungkin tercapai dengan penggunaan akal semata-mata.

2.6.4 Ilhām

Ilhām ialah penghayatan secara langsung yang dianggap sumber ‘ilmu yang paling tinggi oleh golongan taṣawwuf kerana melalui ilhām mereka dapat mengetahui perkara-perkara ‘aqlīyyah yang abstrak, realiti dan ideal (Dr. Hasan Langgulung, 1997, op cit : 22).

Ilhām sangat berkaitan dengan intuisi kerana kedua-duanya merupakan ramalan secara langsung seperti pancaindera meramalkan objek-objek persekitaran, atau ramalan emosi secara langsung seperti meramalkan pemikiran akal dalam membuat kesimpulan. Intuisi dan ilhām juga dapat berpindah dengan cepat daripada tidak tahu menjadi tahu dan daripada akal sebagai potensi menjadi akal sebenarnya (Abd. Halim Mahmud, 1964 : 404-422). Ilhām tidak terhad kepada rasūl-rasūl Allāh sahaja, tetapi ia boleh diterima oleh manusia biasa yang tidak kurang kehebatannya. Walaupun penerimaan ilhām tidak disertai dengan mu’jizat tetapi ada ketikanya ‘ilmu dan kegiatan seseorang dianggap luar biasa.

Anugerah Allāh s.w.t. kepada manusia menerusi ilhām adalah sesuatu yang unik kerana ia dianugerahkan secara langsung. Ia juga menjadi pemahaman dan penghayatan ‘ilmu dengan hati. Contohnya (Amini Amir Abdullah dalam Hj. Ahmad Fauzi Hj. Morad & Ahmad Tarmizi Talib [ed.], 2000, op cit: 27), kekuatan mata hati Nabī Allāh Khidir a.s. yang mampu meramalkan realiti sosial melalui ‘ilmu *Ladunni*⁵² telah mengatasi ramalan tentang realiti sosial akal Nabī Mūsā a.s. Menurut hukum akal, Nabī Mūsā a.s.,

⁵² ‘Ilmu *Ladunni* ialah satu kurniaan atau anugerah yang dianggap rahmat dari Allāh s.w.t. ‘Ilmu ini dianugerahkan melalui jalan ilhām.

melubangi dan menenggelami perahu, membunuh pemuda, dan menegakkan kembali dinding yang hampir runtuh merupakan perkara yang meragukan, sedangkan kata hati Nabī Khidir a.s. membenarkan perbuatan-perbuatan itu. Oleh itu, sesuatu yang melalui kewujudan lahiriah ada batas-batasnya seperti keterbatasan pemahaman melalui penulisan dan pembacaan semata-mata. Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Lalu mereka mendapatkan seorang daripada hamba-hamba Kami yang telah Kami kurniai rahmat dari sisi Kami dan yang telah kami ajar sejenis ilmu (ya'ni ilmu Ladunni) dari sisi Kami (Terj., Ṣūrah al-Kahf: 65).

Mendekatkan diri kepada Allāh s.w.t. adalah satu cara untuk mendapatkan ilhām. Golongan taṣawwuf sering melakukan latihan secara bersungguh-sungguh, khusyu' dan tawadḍu' kepada Allāh s.w.t. seperti sembahyang sunat, berpuasa, dhikir dan lain-lain amalan yang merupakan pendekatan terbaik bagi mencapai suatu pengalaman ghāib yang 'ārif dan tāwhīd. Kesungguhan ḥāsil latihan dan amalan itu akan membawa kejayaan dengan izin Allāh s.w.t.

2.6.5 Wahyu

Wahyu⁵³ ialah sumber utama 'ilmu bagi orang Islām yang diturunkan oleh Allāh s.w.t. kepada rasūl-rasūlnya untuk menjadi sumber bagi setiap Muslim untuk mendapatkan 'ilmu, dan pembimbing kepada seluruh manusia mengenai tujuan-tujuan hidup yang sebenar. Wahyu Allāh s.w.t. dapat dibahagikan kepada dua iaitu al-Qur'an dan ḥadīth Qudsī.

⁵³ Sumber 'ilmu yang berdasarkan wahyu dalam tradisi sistem Islām adalah perkara-perkara yang diajar dalam kategori ini yang disebut sebagai 'ilmu keagamaan iaitu 'ilmu *Naqīl* dan 'ilmu *'Aqīl* (Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan. 1998: 218).

Al-Qur'ān ialah perkataan Allāh s.w.t. yang berupa mu'jizat yang disampaikan oleh malāikat Jibrīl a.s. kepada Nabī Muḥammad s.a.w. mengandungi āyat dan šūrah serta terkandung perintah-perintah dan larangan-larangan di dalamnya. Ianya dimulai dengan Šūrah al-Fātihah dan diakhiri dengan Šūrah al-Nās. Ianya menjadi suatu 'ibādat dan mendapat pahala bagi orang yang mengerjakannya.

Tujuan diturunkan wahyū adalah untuk '*Iqrā*' yang mengandungi pengertian yang sangat luas iaitu membaca, menulis, menghitung, dan mengkaji (W. Abdullah bin Ḥaji W. Mahmood & Dra. Wista Aḥmad [pysn.], 1997, op cit: 45). Keempat-empat konsep tersebut ternyata memfokuskan kepada penciptaNya seperti dinyatakan oleh al-Qur'ān menyuruh manusia menyelidiki nama Tuhan yang menjadikan manusia dari sejenis cecair iaitu yang bercampur di antara sperma dan ovum. (al-'Alaq: 1-3). Allāh juga berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya di atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacanya, maka ikutilah bacaannya itu (Terj., Šūrah al-Qiyāmah: 17-18).

Al-Qur'ān hendaklah selalu dibaca, dikaji dan diteliti isi kandungannya serta difahami dan dihayati. Al-Qur'ān merupakan kitāb tunggal yang menggunakan bahasa 'Arab yang pertama dan tertua di dunia. Ia tidak dapat ditandingi oleh kitāb-kitāb suci yang lain. Sesiapa yang membaca, meneliti dan menghayati akan mendapat kemantapan īmān, menaikkan semangat untuk bertaqwa kepada Allāh s.w.t. dengan sebenarnya.

Hadīth *Qudsī*⁵⁴ ialah Titah Allāh s.w.t. yang disampaikan kepada Nabī Mohd. s.a.w. di dalam mimpi, atau dengan jalan ilhām, lalu Nabī menerangkan apa yang disampaikan itu kepada umatnya dengan susunan perkataannya sendiri serta menyandarkannya kepada Allāh s.w.t. (Ustadh Mustafa ‘Abdul Rahmān, [terj.], 1986, op cit: 17) Hadīth Qudsī adalah sumber utama yang kedua bagi orang Islām selepas al-Qur’ān. Allāh s.a.w. mengakui ḥadīth sebagai sumber ‘ilmu seperti maksud āyat al-Qur’ān yang berikut :

Dan tiadalah yang diucapkan itu (al-Qur’ān) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapan itu tiada lain hanyalah waḥyu yang diwahyukan (kepadanya) yang diajarkan kepadanya oleh (Jibrīl) yang sangat kuat (Terj., Šūrah al-Najm: 3).

Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allāh dan taatilah RasulNya (Terj., Šūrah al-Nisā’: 36)

Āyat tersebut menjelaskan kepada manusia agar mereka wājib mentaati Rasūl Allāh s.a.w. seperti mana mereka mentaati Allāh s.w.t. kerana segala tutur kata Rasūl Allāh s.a.w. itu adalah waḥyu Ilāhī dan bukan mengikut hawa nafsunya semata-mata.

Oleh itu, setiap orang Islām diarahkan agar mengambil ‘ilmu dan segala maklumat daripada waḥyu. Malahan mereka juga diamanahkan agar membentuk jati diri mereka dengan mengikuti segala perintah dan larangan yang terkandung di dalamnya. Allāh s.w.t. berfirman yang bermaksud:

Apa yang dibawakan oleh Rasūl hendaklah kamu mengikutnya, sedang yang dilarangnya hendaklah kamu menjauhinya (Terj., Šūrah al-Hasyr:7).

⁵⁴ ḥadīth Qudsī juga dinamakan ḥadīth *Ilāhī* atau ḥadīth *Rabbānī* iaitu menerangkan ḥadīth-ḥadīth yang bersangkutan dengan kebersihan atau kesucian dhāt Allāh s.w.t., ṣifat-ṣifat kebesaran dan kemuliaanNya.